

11 Julai 2023

Kenyataan Media

PEMINDAHAN OPERASI PUSPAKOM KUCHING KE KOTA SAMARAHAN MULAI 1 OGOS 2023

Shah Alam, 11 Julai 2023 – Mulai 1 Ogos 2023, operasi PUSPAKOM Kuching akan berpindah ke cawangan baharu di PUSPAKOM Kota Samarahan yang beralamat di Lot 11320 & 11321, Block 59, Kota Samarahan Industrial Estate (Extension), 94300 Kota Samarahan, Sarawak dengan waktu operasi dari Isnin hingga Jumaat, 8.00 pagi hingga 5.30 petang.

Tarikh akhir operasi cawangan PUSPAKOM Kuching adalah pada 27 Julai 2023. Sehubungan itu, orang ramai yang berurusan di PUSPAKOM Kuching disarankan merancang sebaiknya pemeriksaan kenderaan mereka dengan membuat janji temu di www.mypuspakom.com.my. Pemilik kenderaan yang mempunyai perakuan pemeriksaan tamat antara 28 hingga 31 Julai 2023 disarankan membuat pemeriksaan awal dari tarikh tamat tempoh pemeriksaan.

PUSPAKOM Kota Samarahan mempunyai keluasan 4 ekar dan boleh menjalankan semua jenis pemeriksaan kenderaan untuk kenderaan perdagangan dan persendirian. Pusat pemeriksaan ini dapat memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik dengan adanya lima lorong pemeriksaan bagi menampung kapasiti kenderaan yang lebih tinggi iaitu sejumlah 500 kenderaan sehari.

Di samping itu, pelanggan boleh mendapatkan kemudahan pembaharuan insurans dan Lesen Kenderaan Motor (Cukai Jalan) di kaunter yang disediakan sejurus selesai pemeriksaan kenderaan. Ini selaras dengan aspirasi PUSPAKOM untuk menjadikan PUSPAKOM sebagai pusat sehenti bagi semua urusan berkaitan kenderaan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya.

Pelanggan boleh membuat janji temu dalam talian untuk PUSPAKOM Kota Samarahan di www.mypuspakom.com.my mulai 15 Julai 2023.



PUSPAKOM

Your Safety, Our Priority

Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

Untuk maklumat tentang pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM, sila layari laman web www.puspakom.com.my atau ikuti Facebook Puspakom Sdn Bhd untuk info terkini.

#

Gambar



PUSPAKOM Kota Samarahan memulakan operasi pada 1 Ogos 2023